

27 DEC 1996

KOMPLEKS YAYASAN BELIA DUNIA MULA DIBINA

MELAKA, 27 Dis (Bernama) -- Sebahagian kompleks ibu pejabat Yayasan Belia Dunia di Ayer Keroh di sini dijangka siap sebelum akhir tahun ini.

Pengerusi yayasan, Datuk Mohd Ali Rustam berkata pembinaan seluruh kompleks berkenaan yang kos pembinaannya dianggarkan RM30 juta dijadualkan siap sebelum berlangsungnya Sukan Komanwel 1998.

Kompleks itu akan menempatkan blok pejabat setinggi 16 tingkat, dewan perhimpunan, sebuah hotel 17 tingkat, kondotel 18 tingkat dan empat buah bangunan asrama lima tingkat.

Dalam kenyataan di sini hari ini, Mohd Ali berkata bangunan pertama yang akan disiapkan ialah blok asrama.

Yayasan berkenaan ditubuhkan pada 10 Mei 1994 oleh Perhimpunan Belia Dunia (WAY) dan Majlis Belia Malaysia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed merasmikan majlis pecah tanah kompleks itu semasa melawat negeri ini Mei lalu. -- BERNAMA

MOZ FAZ